

Kerjasama global majukan bioteknologi

BH- 9/5/2007

Azran Jaffar

di Boston,
Amerika Syarikat



KERJASAMA dan hubungan kukuh dengan komuniti bioteknologi antarabangsa penting bagi membantu Malaysia merealisasikan cita-cita dan objektifnya dalam bidang bioteknologi, kata Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Malaysia perlu dapat mewujudkan hubungan yang kukuh dengan komuniti pengusaha bioteknologi, khususnya dari Amerika Syarikat bagi memanfaatkan kemampuan dan kekuatan masing-masing.

"Simbiosis boleh dicapai dengan kita menerima faedah pemindahan teknologi, manakala mereka ditawarkan kos perniagaan rendah, tenaga kerja mahir pelbagai bahasa serta berkemahiran tinggi," katanya, di Astaka Malaysia, di BIO 2007, di sini, kelmarin.

Sementara itu, Najib yang mengetuai delegasi Malaysia ke konvensyen itu mengadakan beberapa pertemuan dengan pemimpin dalam bidang bioteknologi, semalam memantapkan usaha menjadikan Malaysia i antara peserta utama dalam bidang itu pada peringkat antarabangsa.

Pagi semalam, Timbalan Perdana Menteri mengadakan pertemuan dengan Presiden yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Primera Biosystems, Martin Verhoef dan Pengasas Bersama Primera Biosystems, Dr Kazumi Shiosaki.

Primera Biosystems yang ditubuhkan pada 2004 adalah syarikat berkaitan diagnostik molekul dan pembabitn Malaysia dalam syarikat terbabit melalui Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC).

Ia yang berpangkalan di Mansfield, dekat sini, berusaha membangunkan produk berasaskan gen yang mampu memberikan faedah lebih baik dalam bidang perubatan dan Malaysia ingin melihat teknologi ditawarkannya.

Najib kemudian mendengar pembentangan oleh Institut Teknologi Massachusetts (MIT) berkenaan Budaya Inovasi dalam Bioteknologi. Antara wakil Malaysia yang turut hadir pada pembentangan itu ialah Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Jamaludin Jarjis dan Pengerusi Felda, Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor.

Selepas majlis itu Najib hadir di Pusat Konvensyen dan Pameran Boston bagi merasmikan Astaka Malaysia dan seterusnya menyaksikan majlis menandatangani 11 memorandum persepahaman antara pihak tempatan dengan antarabangsa.

Ia adalah antara Bahagian Bioteknologi Kebangsaan di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) dengan MIT bagi pembangunan sains untuk pengeluaran bioplastik serta Malaysian Biotechnology Corporation Sdn Bhd (BiotechCorp) dengan Manipal Education and Medical Group untuk penubuhan anak syarikat yang fokus kepada penyeli-

kan sel tulang.

BiotechCorp turut memeterai perjanjian dengan Avesta Gengraine Technologies Pte Ltd India (pelaburan); Biotechcorp dengan Avesta Biotherapeutics & Research Pte Ltd India (rakan niaga perniagaan).

Inno Biologics (IBL) Sdn Bhd dengan Malaysian Bio-Diagnostics Research Sdn Bhd (pembekalan antibodi); IBL dengan Avesta Biotherapeutics & Research (ABRPL) (pengeluaran bio); IBL dengan Boehringer Ingelheim Group.

Malaysian Genomic Research Centre dengan 454 Life Sciences Pte Ltd Amerika (mempromosikan penggunaan teknologi terkini genomik); 1st Global Biotech (M) Sdn Bhd dengan Biозyme Technology Corporation, Taiwan (usaha sama).

Kedah BioResources Corporation Sdn Bhd (KBC) dengan Korea Research Institute of Bioscience and Biotechnology (pengkomersialan penyelidikan dan pembangunan) dan KBC dengan InsectBiotech Co Ltd Korea.